



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 3 Mac 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Banjir: KPWKM Hantar Pasukan Sokongan, Bekalan Makanan Kepada Mangsa</p> <p>https://tvstv.my/2023/03/02/banjir-kpwkm-hantar-pasukan-sokongan-bekalan-makanan-kepada-mangsa/</p>	TVSTV	Positif
2	<p>Banjir Johor Terburuk, Zahid Umum Peruntukan RM10 Juta</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1071499/banjir-johor-terburuk-zahid-umum-peruntukan-rm10-juta</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/657128</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/02/rm10-juta-untuk-bantu-mangsa-banjir-di-johor/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>FMT</p>	Positif

	<p>https://selangorkini.my/2023/03/kerajaan-salur-rm10-juta-melalui-nadma-bantu-mangsa-bah-johor/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58469-rm10-juta-bantuan-mangsa-banjir-di-johor-disalurkan-nadma-tpm</p> <p>http://prn.bernama.com/johor/news-bm.php?id=2169516</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/rm10-juta-bantu-beli-keperluan-mangsa-banjir-johor/</p>	<p>Selangor Kini</p> <p>Berita RTM</p> <p>Bernamea</p> <p>Utusan</p>	
3	<p>JKM Sedia Bantu Penghuni Chow Kit</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941402/jkm-sedia-bantu-penghuni-chow-kit</p> <p>https://headtopics.com/my/jkm-sedia-bantu-penghuni-chow-kit-harian-metro-36082980</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Head Topics</p>	Neutral
4	<p>Mayat Kanak-Kanak Mangsa Lemas Banjir Ditemui</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1071277/mayat-kanak-kanak-mangsa-lemas-banjir-ditemui</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/02/bomba-temui-mayat-kanak-kanak-di-sungai-pasir/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/02/kanak-kanak-dikhuatiri-lemas-di-sungai-pasir/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/247782/berita/semasa/mayat-kanak-kanak-lemas-ditemui</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941239/budak-dikhuatiri-lemas-selepas-hilang-di-sungai</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=6TBvMW2g-UM</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=xz_6plEHkw8</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kanak-kanak-lelaki-hilang-di-sungai-ditemukan-lemas-AO10699922</p>	<p>Berita Harian</p> <p>MG</p> <p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Buletibn TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>The Sun Daily</p>	Negatif

	<p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/banjir-kanak-kanak-lelaki-10-tahun-dikhuatiri-lemas-di-pekan/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/657005</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2169289</p> <p>https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-lelaki-hilang-di-sungai-ditemukan-lemas/</p>	<p>Utusan</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Bernamea</p> <p>Melaka Hari ini</p>	
5	<p>Nazir Wanita Pertama Masjid Di Selangor</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/nazir-wanita-pertama-masjid-di-selangor/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2169306</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/noor-inayah-wanita-pertama-dilantik-nazir-masjid-di-selangor/</p>	<p>Utusan</p> <p>Bernamea</p> <p>Selangor Kini</p>	Neutral
6	<p>Banjir: Ibu Tunggal Gigih Selamatkan Baju Sekolah Anak</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/247825/edisi/johor/banjir-ibu-tunggal-gigih-selamatkan-baju-sekolah-anak</p> <p>https://bernama.com/bm/news.php?id=2169318</p> <p>https://wartarakyat.com.my/index.php/tag/banjir-ibu-tunggal-gigih-selamatkan-baju-sekolah-anak/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Warta Rakyat</p>	Neutral
7	<p>Dua Warga Emas Tinggal Sendirian, Lemas Dalam Banjir</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1071478/dua-warga-emas-tinggal-sendirian-lemas-dalam-banjir</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941496/banjir-dua-warga-emas-ditemukan-lemas-dalam-dua-rumah</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Negatif

	https://malaysiagazette.com/2023/03/02/dua-warga-emas-mangsa-lemas-terbaharu-di-johor/ https://www.kosmo.com.my/2023/03/02/dua-warga-emas-mati-lemas-terperangkap-dalam-rumah/ https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/dua-warga-emas-korban-terbaru-banjir-di-johor/ https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-warga-emas-berjiran-ditemukan-maut-terperangkap-banjir-di-segamat-408937 https://www.youtube.com/watch?v=eDvxJhvOOxg https://www.youtube.com/watch?v=rPeOKI-dQk https://www.sinarharian.com.my/article/247856/berita/s-emas/dua-warga-emas-maut-terperangkap-banjir-di-segamat https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/02/air-naik-hingga-bumbung-rumah-2-warga-emas-lemas/ https://selangorkini.my/2023/03/bah-johor-dua-warga-emas-terperangkap-di-rumah-ditemui-maut/ https://alhijrahnews.com/banjir-johor-dua-warga-emas-terperangkap-di-rumah-maut/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=banjir-johor-dua-warga-emas-terperangkap-di-rumah-maut https://headtopics.com/my/dua-warga-emas-korban-terbaru-banjir-di-johor-36091030	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>FMT</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Al-Hijrah</p> <p>Head Topics</p>	
8	<p>Lelaki OKU Kecewa Dihalang Guna Gymnasium</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/02/lelaki-oku-kecewa-dihalang-guna-gimnasium/</p>	<p>Kosmo</p>	Neutral
9	<p>Orang Kampung Sanggup Dermakan Duit Tabung</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/247891/edisi/pe-rak/orang-kampung-sanggup-dermakan-duit-tabung</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral

https://newswav.com/article/orang-kampung-sanggup-dermakan-duit-tabung-A2303_ToPPnP

News Wav

BANJIR: KPWKM HANTAR PASUKAN SOKONGAN, BEKALAN MAKANAN KEPADA MANGSA

<https://tvstv.my/2023/03/02/banjir-kpwkm-hantar-pasukan-sokongan-bekalan-makanan-kepada-mangsa/>

Sumber : TVSTV



KUALA LUMPUR, 2 Mac: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menghantar pasukan sokongan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di beberapa negeri yang terjejas banjir.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pasukan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) itu antara lain akan menyediakan perkhidmatan intervensi krisis dan sokongan psikologi kepada mangsa terjejas.

“Sokongan ini diberikan semasa dan selepas bencana agar psikologi mangsa yang terjejas berikutan bencana itu akan kembali ke tahap optimum,” katanya kepada TVS di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Situasi banjir di lima negeri bertambah buruk petang ini apabila seramai 29,091 mangsa dipindahkan di lima negeri iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Sabah dan Melaka.

Johor paling teruk terjejas berikutan jumlah mangsa dipindahkan meningkat kepada 26,633 orang di 193 PPS setakat pukul 4 petang tadi.



Situasi banjir di Kota Tinggi, Johor yang masih ditenggelami air. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) memaklumkan jumlah mangsa banjir melonjak lebih dua kali ganda kepada 25,213 orang pagi ini berbanding 9,162 orang pada 8 malam tadi. Foto Bernama.

Sementara itu, Nancy memaklumkan KPWKM juga telah menghantar bantuan makanan dan barangan kebersihan diri kepada mangsa banjir di Johor.

Katanya, JKM Johor setakat ini telah menyalurkan 1,400 paket makanan sedia dimasak dan barangan keperluan bencana serta 1,000 pek kit kebersihan sumbangan Yayasan Sime Darby.

“Semua mangsa di negeri – negeri yang terlibat dengan musibah banjir telah diberikan bekalan makanan dan keperluan asas yang mencukupi. Penambahan bekalan akan dilakukan sekiranya situasi memerlukan,” katanya. -TVS

BANJIR JOHOR TERBURUK, ZAHID UMUM PERUNTUKAN RM10 JUTA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1071499/banjir-johor-terburuk-zahid-umum-peruntukan-rm10-juta>

Sumber : Berita Harian



KOTA TINGGI: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 juta kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi membantu mangsa banjir di Johor.

Timbalan Perdana Menteri berkata banjir di negeri itu adalah antara yang terburuk pernah dihadapi negeri berkenaan.

Beliau berkata peruntukan berkenaan untuk membeli peralatan dan bantuan tambahan kepada mangsa terjejas yang semakin meningkat di pusat penempatan sementara (PPS).

Beliau berkata, keadaan banjir di Johor dan beberapa negeri lain semakin buruk berikutan perubahan iklim akibat fenomena global namun kerajaan perlu bersedia dari sekarang untuk membantu rakyat.

Apatah lagi katanya, mengikut laporan antarabangsa, aktiviti pemanasan global akan menyebabkan kebanyakan pulau kecil yang berada di lautan seluruh dunia termasuk Laut China Selatan akan berada di bawah paras bawah laut dan tenggelam pada 2050.

"Selain itu, punca banjir di Johor yang buruk kali ini disebabkan luruan hujan yang sangat luar biasa.

"Ia menyebabkan paras air di sungai-sungai utama meningkat mendadak berikutan hujan luar biasa selain hujan dari kawasan Pahang yang mengalir ke sungai-sungai negeri ini

"Saya luluskan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk bencana banjir di Johor yang sudah disalurkan kepada NADMA.

"Saya sudah mengarahkan NADMA membuat pembelian segera membabitkan selimut, bantal dan tilam berikutan peralatan itu mengalami kekurangan di PPS di sini dan serahkan segera kepada Jawatankuasa Banjir Daerah untuk digunakan mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas meninjau PPS Sekolah Jenis Kebangsaan Cina New Kota, di sini, hari ini.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Terdahulu Ahmad Zahid diiringi Onn Hafiz meninjau keadaan banjir di pusat bandar Kota Tinggi yang semakin buruk di samping meninjau PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Datuk Usman Awang.

Keadaan banjir di Johor semakin buruk dengan jumlah mangsanya dilaporkan Mangsa banjir terus melonjak kepada 28,099 orang terdiri daripada 7,805 keluarga di 197 PPS , setakat jam 4 petang tadi.

Banjir ketika ini disifatkan paling buruk pernah dihadapi negeri itu selepas 17 tahun menghadapi bencana banjir besar pada 2006, yang mengakibatkan lebih 100,000 penduduk negeri ini terjejas.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid meminta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, supaya mengerakkan pegawai dan anggota Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari negeri lain untuk membantu Johor.

Katanya, ia berikutan kekurangan pegawai dan anggota JKM bagi membantu menguruskan bencana banjir di Johor.

"Saya tahu pegawai dan anggota JKM Johor bertungkus-lumus membantu mangsa banjir di semua PPS dibuka di negeri ini, namun berikutan keadaan banjir di sini yang semakin buruk ia memerlukan bantuan tenaga kerja.

"Oleh itu, saya sudah menghubungi Nancy bagi memobilasi pergerakan pegawai dan anggota JKM dari negeri lain ke Johor," katanya.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, peruntukan untuk projek jangka pendek sebanyak RM7.6 juta akan disalurkan bagi meningkatkan sistem perparitan di pusat bandar Kota Tinggi dan Kota Mas.

"Selain itu, sebanyak RM15 juta akan diperuntukan untuk kerja melebarkan Sungai Lalang, bagi menampung hujan luar biasa dan limpahan air hujan dari daerah lain dan jika berlaku peningkatan paras air laut.

"Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sungai Pemandi yang bernilai RM25 juta pula kini di dalam proses tender.

"Bagi jalan yang agak rendah dari Kota Tinggi ke Mersing yang sering dinaiki air bah, ia memerlukan peruntukan RM120 juta dan perlu perbincangan dengan Kementerian Kerja Raya.

"Terakhirnya, untuk projek jangka panjang Kota Tinggi memerlukan RM380 juta untuk RTB Sungai Johor yang akan dimasukkan dalam RMK ke-15," katanya.

JKM SEDIA BANTU PENGHUNI CHOW KIT

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941402/jkm-sedia-bantu-penghuni-chow-kit>

Sumber : Harian metro



Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersedia menawarkan khidmat kaunseling kepada penghuni kawasan Chow Kit, di sini, yang tinggal dalam keadaan serba kekurangan hingga menyebabkan semangat anak mereka untuk belajar kian pudar.

Ketua Pengarahnya, Datuk Shahrudin Abu Sohot berkata, pihaknya akan membantu melalui aspek khidmat kaunseling kepada golongan ibu bapa dan kanak-kanak di kawasan berkenaan.

Menurutnya, pihaknya juga akan menilai bantuan yang wajar disalurkan kepada golongan berkenaan berdasarkan kelayakan mereka.

"JKM akan menemubual penjaga atau ibu bapa bagi melihat kelayakan mereka seperti hilang upaya untuk berkerja atau sakit untuk menerima bantuan bulanan.

"Orang susah (bertaraf asnaf) yang tidak mampu menjaga anak, boleh ditempatkan di institusi JKM, tetapi itu adalah langkah terakhir kerana seboleh-bolehnya JKM tidak mahu memisahkan anak dengan ibu bapa," katanya ketika dihubungi Harian Metro, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan muka depan Harian Metro, semalam mengenai situasi kehidupan anak asnaf di Chow Kit yang tinggal di bilik sewa keluarga yang sempit dan tidak kondusif sekali gus membuatkan semangat untuk mengulang kaji pelajaran 'malap'.

Namun jauh di sudut hati, ibu bapa kepada anak-anak penghuni lorong ini mahu mereka berjaya dalam pelajaran kerana hanya itu satu-satunya jalan keluar untuk mereka dari kehidupan sukar yang ditempuhi.

MAYAT KANAK-KANAK MANGSA LEMAS BANJIR DITEMUI

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1071277/mayat-kanak-kanak-mangsa-lemas-banjir-ditemui>

Sumber : Berita Harian



PEKAN: Budak lelaki yang hilang dihanyutkan arus deras tali air yang ditenggelami banjir di Felcra Sri Makmur di sini semalam, ditemui lemas, hari ini.

Mayat, Muhammad Hafizhan Abd Zaib, 10, ditemui dalam ladang kelapa sawit yang ditenggelami banjir pada jam 12.10 tengahari hari ini.

Mayatnya ditemui anggota Bomba dan Penyelamat yang melakukan operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) kira-kira 50 meter daripada lokasi mangsa dilaporkan hilang.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pekan, Wan Samsul Effendi Wan Mahmud, berkata pihaknya menyambung operasi SAR bermula 8.30 pagi hari ini, selepas menangguhkan operasi berkenaan jam 11.30 malam tadi.

Katanya, operasi SAR hari turut dibantu penduduk kampung serta dua anjing pengesanan K9 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

"Anggota penyelam membuat selaman di kawasan pencarian dan menemui mangsa di dasar air banjir yang melimpah dalam kawasan ladang kelapa sawit dan mayat mangsa diserahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tindakan selanjutnya.

"Operasi SAR hari ini disertai lapan anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Peramu dan BBP Pekan yang turut bersama unit penyelam, operasi selesai pada 12 20 tengah hari," katanya.

Wan Samsul menasihati ibu bapa diingatkan supaya sentiasa mengawasi anak mereka terutama ketika banjir berlaku dan hujan lebat kerana kawasan rendah akan ditenggelami air.

Katanya, hujan berterusan menyebabkan banyak kawasan di daerah ini ditenggelami banjir, walaupun setakat ini tiada Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dibuka.

NAZIR WANITA PERTAMA MASJID DI SELANGOR

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/nazir-wanita-pertama-masjid-di-selangor/>

Sumber : Utusan



KLANG: Selangor melantik nazir wanita masjid pertama dalam Istiadat Pengurniaan Watahah Pelantikan Nazir dan Imam Masjid-Masjid negeri ini oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, hari ini.

Presiden dan Naib Canselor [Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur \(IUKL\)](#), Datuk Profesor Dr. Noor Inayah Yaakub menjadi satu-satunya wanita di Selangor dilantik sebagai Nazir Masjid Ikram dekat universiti itu di Bangi bagi sesi 2023 hingga 2025.

Menurutnya, pelantikan tersebut membuktikan wanita boleh memainkan peranan dalam pengurusan dan pentadbiran masjid serta menyusun program dan aktiviti pembangunannya untuk manfaat penduduk setempat.

“Alhamdulillah, saya menerima lantikan dengan rasa bersyukur kepada Allah SWT, kerana saya difahamkan pada tahun ini hingga 2025, satu-satunya nazir yang dilantik di Selangor bagi sebuah masjid institusi iaitu masjid di IUKL.

“Kerana kita melihat bahawa pengurusan masjid itu tidak memberikan apa-apa sekatan sekiranya wanita menjadi peneraju. Kerana wanita masih

mengharapkan ahli-ahli jawatankuasa masjid selain wanita untuk sama-sama memaju dan memakmurkan masjid itu sendiri,” katanya ditemui seusai istiadat tersebut di [Istana Alam Shah](#).

Selain beliau, antara penerima wafat adalah Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Proton, Tan Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir masing-masing dilantik sebagai Nazir di Masjid An-Nur dan Masjid Al-Falah Subang Jaya.

Turut menerima wafat adalah Pengarang Berita Utusan Malaysia, Mohammad Radzi Mohd. Zin yang dilantik oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Kuala Selangor sebagai Imam 1 di Masjid An-Nur Saujana Utama, Sungai Buloh.

Sementara itu, Mohammad Radzi memaklumkan, pemberian wafat itu sebagai satu tanggungjawab yang diamanahkan oleh Sultan Selangor untuk memastikan masjid dapat dimakmurkan dan terus menerima peningkatan jemaah.

“Ini adalah satu amanah dan sebagai imam yang dilantik saya perlu laksanakan tanggungjawab itu dengan sebaik mungkin supaya penduduk setempat mendapat manfaat sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada masjid yang diimarahkan.

“Insya Allah, itu yang perlu dilakukan kerana Sultan Sharafuddin turut bertitah supaya masjid menjadi pusat beribadat umat Islam dan pusat keilmuan, pusat dakwah serta pusat kemasyarakatan umat Islam,” ujarnya. – [UTUSAN](#)

BANJIR: IBU TUNGGAL GIGIH SELAMATKAN BAJU SEKOLAH ANAK

<https://www.sinarharian.com.my/article/247825/edisi/johor/banjir-ibu-tunggal-gigih-selamatkan-baju-sekolah-anak>

Sumber : Sinar Harian



KLUANG - Seorang ibu tunggal hanya sempat menyelamatkan dokumen penting dan pakaian sekolah baharu empat anaknya apabila air banjir naik mendadak di rumahnya di Jalan Sawi, Yap Tau Sah, di sini Selasa lepas.

Nor Azimah Ibrahim, 39, berkata kejadian pada waktu malam itu berlaku ketika dia baru pulang kerja dan terus menyelamatkan dokumen serta barangan penting.

Nor Azimah berkata, dia bagaimanapun gagal menyelamatkan kereta Perodua Kancil miliknya kerana air telah mencecah hingga 0.6 meter.

"Tak sempat nak angkat apa-apa, yang dapat dokumen, baju sekolah. Yang penting sudah beli kelengkapan anak-anak untuk penggal baharu macam beg, kasut... itu yang penting," katanya yang ditemui di rumahnya di sini hari ini.

Nor Azimah yang mempunyai anak perempuan berusia tujuh, 10, 13 dan 17 tahun berkata, dia bersyukur kejadian kali ini tidak seburuk pada 2006.

"Masa tu (banjir 2006), air naik tinggi sampai paras tingkap, tak sempat nak capai apa-apa, jadi kami tinggal sehelai sepinggang," katanya yang turut dibantu abangnya dan kakak ipar mengemas rumah.

Sementara itu, Idris Kassim, 52, mengakui air yang meningkat terlalu cepat membuatkan dia dan isteri tidak sempat mencapai apa-apa selain dokumen penting dan buku sekolah anak.

Idris berkata dia bagaimanapun sempat mengalihkan dua motosikal ke tempat tinggi susulan amaran daripada pihak berkuasa.

"Alhamdulillah, tak teruk berbanding dulu tetapi sebab air naik mendadak, (hanya) dapat selamatkan dokumen penting, buku sekolah anak," katanya yang berkhidmat sebagai posmen.

DUA WARGA EMAS TINGGAL SENDIRIAN, LEMAS DALAM BANJIR

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1071478/dua-warga-emas-tinggal-sendirian-lemas-dalam-banjir>

Sumber : Berita Harian



SEGAMAT: Dua warga emas yang tinggal sendirian, ditemukan lemas selepas rumah masing-masing ditenggelami banjir dalam kejadian di Jalan Kongsai, Kampung Baru Chaah di sini, hari ini.

Kedua-dua warga emas berusia 70 tahun itu, dipercayai berusaha menyelamatkan diri hingga saat akhir, namun tidak berhasil mengharungi paras banjir yang deras dan dalam.

Ketua Polis Daerah Segamat, Superintendan Ahmad Zamry Marinsah, berkata mangsa pertama seorang wanita ditemui pada jam 9 pagi tadi, manakala mangsa kedua seorang lelaki ditemukan jam 11 pagi.

Katanya, terdahulu kehilangan kedua-dua mangsa dilaporkan waris mereka pada jam 8 pagi tadi selepas mereka gagal dihubungi.

"Pemeriksaan kemudian dibuat di kediaman kedua-duanya warga emas terbabit sebelum menemui mayat mangsa," katanya dalam sidang media di Bilik Gerakan IPD Segamat di sini, hari ini.

Ahmad Zamry berkata, mayat dua warga emas itu kemudian dihantar ke Hospital Segamat untuk proses bedah siasat.

"Kes ini diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR) dan buat masa ini, punca kejadian dalam siasatan.

"Kedua-dua keluarga kepada mangsa ini akan dipanggil bagi membantu siasatan," katanya.

Katanya, orang ramai yang melihat atau mempunyai maklumat mengenai kejadian terbabit diminta tampil membantu siasatan.

LELAKI OKU KECEWA DIHALANG GUNA GYMNASIUM

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/02/lelaki-oku-kecewa-dihalang-guna-gimnasium/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA – Seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) kecewa apabila didakwa dihalang daripada menggunakan kemudahan gimnasium atas alasan menggunakan kerusi roda.

Menerusi akaun Twitter Jason King, lelaki OKU itu memuat naik sebuah video berserta luahan rasa kecewa selain memberitahu tidak menghadapi masalah sewaktu menggunakan gimnasium itu sebelum ini.

“Dah beberapa bulan aku dok mai gym (gimnasium), tiba-tiba hari ni aku diberitahu lepas ni aku tak boleh masuk gym dengan alasan keadaan aku yang berkerusi roda dan faktor keselamatan.

“Bila ditanya tentang peraturan dan polisi, dia dok pusing cakap bahaya la, apa la,” katanya pada hantaran tersebut.

Dalam pada itu, Jason King memberitahu, ini kali pertama dia pergi ke gimnasium yang tidak membenarkan OKU masuk.

“Saya rasa sungguh kecewa dengan segelintir masyarakat kita yang masih bersikap diskriminasi terhadap golongan OKU. Mohon ambil cakna tentang isu begini.

“Harap kerajaan kita ambil berat berkenaan isu diskriminasi OKU di dalam negara ini,” katanya.
– KOSMO! ONLINE

ORANG KAMPUNG SANGGUP DERMAKAN DUIT TABUNG

<https://www.sinarharian.com.my/article/247891/edisi/perak/orang-kampung-sanggup-dermakan-duit-tabung>

Sumber : Sinar Harian



PADANG RENGAS - Keprihatinan penduduk kampung yang sanggup menderma duit tabung bagi menampung kos pembedahan meruntun hati seorang pesakit lymphatic filariasis atau kaki gajah, Shahrul Anuar Halimi, 47.

Shahrul Anuar dari Kampung Buaia di sini, berkata, setelah usahanya mengumpul wang pembedahan yang dianggarkan RM80,000 diketahui ramai, penduduk kampung turut membantu menyumbang.

"Ramai yang beri sumbangan. Paling terkesan apabila ada seorang mak cik datang ke rumah dan hulurkan satu sampul berisi wang. Semuanya berisi RM1 sebanyak RM116.

"Saya tidak tergamak untuk ambil, saya menangis mengenangkan keikhlasan dia untuk membantu saya," katanya ketika ditemui di kediamannya pada Rabu.

Bapa kepada dua anak itu berkata, derita penyakit di kaki kanannya itu telah berlarutan sejak 21 tahun lalu dan semakin membesar hingga mencecah 100 kilogram menyebabkannya terlantar dan sukar menguruskan diri.

Dia menanam impian untuk menjalani pembedahan selepas melihat kejayaan pembedahan pesakit yang mengalami penyakit sama di sebuah hospital swasta di Shah Alam.

"Rawatan awal sudah dilakukan dan doktor juga maklumkan kaki saya boleh pulih menerusi pembedahan yang dijadualkan bulan hadapan.

"Cuma kosnya agak tinggi sekitar RM80,000. Setakat ini saya baru dapat mengumpul RM25,000, itupun melalui sumbangan kenalan dan saudara-mara," katanya.

Shahrul Anuar yang merupakan pemegang kad kurang upaya (OKU) berharap dapat menjalani kehidupan seperti biasa demi kelangsungan keluarganya.

Katanya, isteri, Intanursyima Abd Halim, 47, juga merupakan pemegang kad OKU disebabkan beberapa penyakit termasuk angin ahmar selain kedua-dua anak mereka, Muhammad Hakimie, 22, dan Nurul Fatihah, 22, juga OKU.

"Selepas menjalani pembedahan nanti, saya mahu ke solat jemaah di masjid, dah lama sangat saya tak ke sana.

"Paling penting, saya nak bantu isteri meneruskan perniagaan daging perapan kami," katanya.

Sementara itu, Intanursyima mengakui, berusaha melakukan banyak kerja dalam keterbatasan dirinya demi menampung perbelanjaan rawatan perubatan suami.

Katanya, selain meneruskan perniagaan perapan ayam dan daging, dia juga menjual pelbagai jenis kerepek.

"Saya buat apa sahaja untuk suami, saya mahu dia sihat dan berjalan seperti dulu. Sudah lama kami tidak rasa kebahagiaan macam keluarga lain.

"Harapan saya agar pembedahan ini berjaya, saya mahu lihat dia berjalan, dapat berjalan ke tandas sendiri pun jadilah," katanya.

Bagi mereka yang ingin menyalurkan bantuan boleh menyumbang menerusi nombor akaun Maybank Shahrul Anuar Halimi 158097689705 atau hubungi di talian 013-5931805.